



Othman Mohamad

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@bharian.com.my

**B**ERTOLAK daripada harapan agar sensitiviti umat Islam terhadap nasib saudara mereka di Palestin termasuk Gaza tidak padam, kira-kira 15 penyair menyemarakkan suara puitis yang melontarkan amarah kepada Israel pada Malam Puisi PENA: Malam Tangisan Gaza.

Malam puisi anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Yayasan Salam di Rumah PENA, baru-baru ini, meluahkan pelbagai perlambangan jelek terhadap regim Israel, sekali gus mengungkapkan semangat per-

saudaraan dan setia kawan terhadap saudara seakidah di Palestin.

Bendahari Persatuan Penulis Kelantan (PPK), Usman Ibrahim, membaca puisinya, *Belfourus* yang dicantum daripada *Belfour*, iaitu Deklarasi Belfour yang menyaksikan bumi Palestin digadaikan British kepada Yahudi dan fosforus digunakan sebagai senjata kimia oleh tentera Israel ke atas rakyat Palestin yang tidak berdosa.

*Enam dekad Palestin menggelupur darah mengalir sepanjang sejarah di celah kukuh besi dan taring hitam Zionis sadis.*

Air mata Sabra,



Mohamed Mansor Abdullah



Taufik Affandi Talib



Abdul Aziz Mahmood

# Malam Tangisan

Lima belas penyair lontar kemarahan kepada

*darah Shatila kini melimpah di Genting Gaza.*

*Dari Belfour ke fosforus darah dan air mata Palestin sudah menjadi Belfourus.*

Keganasan dan kerakusan Israel digambarkan secara keras melalui diksi yang meninggalkan kesan mendalam dalam jiwa lewat puisi, *Wangi Taman Pembunuhan Metafora Sebuah Gaza* yang dideklarasikan penyair veteran, Jamaludin Darus atau lebih dikenali sebagai Jamaludin D.

*Gerhana hujan peluru lengkingan petir kilat meletus deburam bom bertebaran pucuk-pucuk gelombang tumbang hangus laut kehidupan rentung dataran pernafasan membunuh persekitaran taman*

*ladang mawar wangi haruman seri warna membuat jelaga kelat tampar ombak melemaskan cakar gerigis karang melukakan wangi taman pembunuhan metafora sebuah Gaza.*

Metafora yang diungkapkan penyair itulah yang dijadikan hujah oleh Penerima Anugerah Sastera Negeri Melaka 2009, Mokhtar Yasin, agar warga dunia membuka mata dan telinga terhadap nasib umat Islam Palestin apabila menyampaikan pui-sinya, *Rayuan Warga Bumi*.

*Ia meracuni nilai murni kedamaian manusia di sana di sini.*

*Runtuh susila dunia kejam dan suram.*

*Duhai warga bumi pencinta damai marilah bersama kita hancurkan*

*angkuh dan bongkok Zionis ...*

Peringatan dalam bentuk puisi turut dilemparkan Ketua Satu Persatuan Penulis Melaka (PENAMA) yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Othman Mohamad yang membacakan puisi, *Aku, Puisi dan Bani Israel* karya Borhan Md Zain.

*Telah kuberikan teguran kepada sekalian bani Israel yang masih hidup meskipun sudah lama menjadi debu telah kuingatkan kepadamu*

*yang barangkali sedang berpesta wain dan wanita di kamar mewah sedangkan ribuan anak kecil Palestin sedang mengisi kehidupan kerana kehilangan ibu dan ayah.*

Di sebalik lontaran pui-


si, kira-kira 50 khalayak malam puisi itu tidak sejawarnya melupakan ingatan terhadap sumbangan rakyat Malaysia daripada Pensyarah Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Noor Hisyam Razali dan Pengajar Pusat Kokurikulum, Universiti Putra Malaysia (UPM), Flora Ilyana Othman berpadu suara untuk menyampaikan puisi, *Janji Aqsa dan Gaza*.

*Di tengah tanah Gaza yang terkepung, terkurung dihimpit konspirasi, senjata, penipuan dan kekufuran himpukkan doa-doa di antara setiap solatmu menjadi perisai perjuangan sahabat kita himpunkan suara-suara kecil menjadi keberanian yang besar.*

Malam puisi yang dihadiri Ketua Satu GAPENA, Tan Sri Prof Emeritus Ismail Hussein; Presiden PENA, Datuk (Dr) Baharuddin Zainal (Baha Zain) dan



Fetri Yahya




Jamaluddin D

# Palestin rejim Zionis

Sasterawan Negara (SN), Datuk (Dr) A Samad Said itu, turut dimeriahkan dengan persembahan lagu oleh Datuk Ibrahim Bachik.

Penyair yang turut mendeklamasikan puisi ialah Datuk Dr Mohamed Mansor Abdullah atau lebih dikenali sebagai M Ashikin, Khalid Salleh, Ismas Saring, Abdul Hadi Yusoff, Abdul Aziz Mahmood (Abham TR), Osman Mahali, selain personaliti TV3, Ahmad Fetri Yahya.

Selain penyair dan aktivis sastera tempatan, malam puisi itu turut menampilkan tokoh dari luar negara, iaitu mantan Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Tone Brulin dari Belgium dan Penasihat Lembaga Adat Melayu Luhak Tambusai, Riau, Indonesia, Datuk Muda Taufik Affandi Talib.



Tone Brulin